



Shamsul Harbi
Guru Bahasa
Pusat Bahasa Moden
Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah (UMPSA)



Karya Kreatif

Kerana Kau Lelaki

Kerana kau lelaki, kau diajar diam
Biar luka berdarah tak dibicara
Biar hati remuk dilindung gagah
Sedang jiwa merintih tiada yang faham

Kerana kau lelaki, kau dituntut tabah
Menutup serabut dalam tawa
Tegak berdiri dalam setiap runtuh
Walau jiwa sendiri tak pernah utuh

Kerana kau lelaki, jangan kau menangis
Titis air mata tumpah tanda lemah
Sedang kau juga punya rasa
Yang ingin diisi, didengar, difahami

Kerana kau lelaki, kau pikul beban di bahu
Walau berat tak tertanggung
Menggalas amanah menggunung
Tetap melangkah walau raga terhumban

Kerana kau lelaki, cinta kau dalam
Tapi sering disalah erti dan disalahkan
Kau bukan kurang kasih untuk diberi
Cuma tak pandai meluah isi hati

Kerana kau lelaki, kau tolak angan ke tepi
Sedaya upaya cuba kotakan janji
Tak mengharap ehsan dan pujian
Kerana kau punya kasih sejati

Kerana kau lelaki, kau basuh luka sendiri
Walau pedih menghiris
Walau sakit mencarik dada
Kau tetap ukir senyum di wajah

Kerana kau lelaki, tiada tempat mengadu
Hingga terpenjara dalam sunyi sepi
Meski lelah kau tempuh segala
Bertahanlah, kerana kau lelaki!

Creative Work

Kerana Kau Lelaki

25 June 2025

-
- 12 views

[View PDF](#)